



LEMBAGA  
LEBUHRAYA  
MALAYSIA

## IKLAN JAWATAN KOSONG

Rujukan Fail: LLM.500-3/1/1 ( 44 )

### 1) PEMBANTU PUSTAKWAN (GRED S19)

1. (a) Jawatan : Pembantu Pustakawan (Gred S19)
  - (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
  - (c) Kumpulan Perkhidmatan: Pelaksana
  - (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Sosial
2. Jadual Gaji : RM 1,352.00 – RM4,003.00
  3. Syarat Lantikan :

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S19 : RM1,352.00); atau
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S19: RM1,408.40) atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S19 : RM1,464.80).

4. Taraf Jawatan : Kontrak

5. Fungsi Bidang Tugas :

Bertanggungjawab memastikan Pusat Sumber LLM beroperasi mengikut masa yang ditetapkan, menguruskan pinjaman bahan Pusat Sumber, melaksanakan proses penerimaan dan merekodkan data perolehan buku, membuat pengkatalogan di dalam sistem, mencetak/menampal kod bar, melaksanakan pembaikan kecil pada bahan bacaan, menyusun dan mengemaskini bahan bacaan mengikut standard yang ditetapkan.

### **CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat secara *on-line* melalui laman sesawang Lembaga Lebuhraya Malaysia di alamat <http://ejawatan.llm.gov.my> mulai **17 Julai 2024 (Rabu) hingga 30 Julai 2024 (Selasa)**

### **TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Tarikh tutup permohonan adalah pada **31 Julai 2024 (Rabu)**

### **PERMOHONAN DITOLAK**

Permohonan akan ditolak sekiranya:

- i) Tidak lengkap;
- ii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan; dan
- iii) Permohonan diterima pada atau selepas tarikh tutup permohonan.

### **CATATAN AM**

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
3. Segala perbelanjaan untuk menghadiri temuduga tidak ditanggung oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia.